

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	KILANG LEBUR LOGAM HARAM DIARAH TUTRUP
	SUMBER	BH (17 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	22 (NASIONAL)

Kilang lebur logam haram diarah tutup

Kuala Selangor: Sebuah kilang melebur logam secara haram diarah tutup serta-merta dalam serbuan pihak berkuasa di Jalan Raja Musa, Bestari Jaya, di sini.

Operasi diketuai Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) berikutan pemilik kilang terbabit ingkar kepada notis berhenti operasi yang dikeluarkan sebelum ini.

MPKS turut menyita dua unit forklift, tong gas bersubsidi dan peralatan makmal yang dianggarkan bernilai RM40,000.

Kilang terbabit juga dikenakan kompaun atas kesalahan beroperasi tanpa lesen mengilang.

MPKS dalam kenyataan berkata, pihaknya melalui Jabatan Penguat Kuasa mengutuai 65 kakitangan pelbagai jabatan dalam serbuan itu.

Antara agensi terbabit ialah Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor, Suruhanjaya Perkhidmatan

Air Negara (SPAN), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Operasi ini dijalankan kerana pemilik kilang masih ingkar terhadap notis menghentikan aktiviti perniagaan yang sudah dikeluarkan MPKS sebelum ini dan aduan daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Kes disiasat mengikut Undang-Undang Kecil 3 Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPKS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen daripada pihak berkuasa.

Pada masa sama, JAS turut mengeluarkan notis pematuhan pembersihan berikutan menjalankan industri berat di lokasi yang tidak sesuai, selain Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Selangor mengeluarkan notis dan sitaan besi Y10 yang sudah siap diproses.

Selain itu, Air Selangor melakukan pematangan meter air di kedua-dua premis dan TNB turut mengeluarkan notis pematangan bekalan elektrik.



Pihak berkuasa melakukan serbuan menerusi operasi bersepadu ke atas sebuah kilang di Jalan Raja Musa, Bestari Jaya. (Foto ihsan MPKS)

2.	TAJUK	NRES SEDANG KENAL PASTI PLASTIK SEKALI GUNA BERMASALAH
	SUMBER	BH (10 OKTOBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NASIONAL)

BH Jumaat, 18 Oktober 2024



Nik Nazmi pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

NRES sedang kenal pasti plastik sekali guna bermasalah

Pelaksanaan pelan penghapusan secara bersasar tergendala akibat COVID-19

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang mengenal pasti dan menyediakan senarai awal bagi plastik sekali guna yang bermasalah, tidak diperlukan dan boleh dielakkan, bagi memastikan penghapusan plastik sekali guna dilaksanakan de-

ngan teratur.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata melalui senarai itu, penghapusan dan pengurangan plastik sekali guna dapat dilaksanakan secara bersasar.

Beliau menjawab soalan Wong Shu Qi (PH-Kluang), sama ada Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 mencapai sasaran atau tidak, pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Penggunaan bertambah

Nik Nazmi mengakui pelaksanaan pelan itu tergendala ekoran pandemik COVID-19 yang menyaksikan peningkatan penggunaan plastik.

“Sebagai contoh, penggunaan plastik dalam kalangan penggu-

na meningkat susulan COVID-19, kerana orang ramai lebih cenderung membeli makanan serta membeli-belah menerusi platform dalam talian yang menyaksikan penggunaan bungkusan plastik berlebihan,” katanya.

Nik Nazmi berkata, penghapusan plastik sekali guna juga menghadapi kekangan kerana bidang kuasa berasingan di antara pihak Kerajaan Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

Beliau berkata, caj pencemaran penggunaan beg plastik sekali guna hanya dilaksanakan di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah, Johor dan Perlis, sekali gus menunjukkan masih banyak negeri dan sektor tidak melaksanakan agenda bebas plastik. BERNAMA

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**